



**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN**

EMPLOYABILITY SKILLS

**KOLEJ VOKASIONAL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
EDISI 2014**

**BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KANDUNGAN**

1.	PENDAHULUAN	3
2.	LATAR BELAKANG	4
3.	OBJEKTIF	4
4.	KAEDAH PERLAKSANAAN	
	Modul Employability Skills	4
	Modul Asas	4
	Kaedah Penyampian	4
	Jam Pertemuan	5
	Pentaksiran dan Penilaian	5
	Kaedah Penilaian	6
	Bukti Pencapaian Pelajar - Rekod Bukti Pencapaian	6
4.	JALUR MASA PELAKSANAAN	7
5.	KESIMPULAN	8

**BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PELAKSANAAN KURIKULUM *EMPLOYABILITY SKILLS* DI KOLEJ VOKASIONAL,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 ***Employability Skills (ES)*** atau Kemahiran Kebolehkerjaan adalah merupakan elemen penting yang perlu ada dalam diri setiap pekerja bagi melahirkan seorang pekerja yang fleksibel, berinisiatif dan berkebolehan untuk menyelesaikan tugas yang berbeza.

- 1.2 Dalam sistem pendidikan di Malaysia, di antara kemahiran kebolehkerjaan yang dikenal pasti perlu dimiliki oleh pelajar adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengurus, memilih dan menganalisa maklumat, kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik dan kemahiran memahami budaya . Elemen kebolehkerjaan ini juga dapat melahirkan dan membina modal insan generasi muda yang berdaya saing dan mampu berdikari seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

- 1.3 Keupayaan pelajar untuk berada dalam pasaran pekerjaan dalam kalangan lepasan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) di Malaysia merupakan satu isu utama yang perlu diambil perhatian. Kebolehkerjaan dan kebolehpasaran pelajar dinilai bukan sahaja pada pencapaian akademik yang cemerlang tetapi juga kemahiran insaniah yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan, ciri kepimpinan, etika kerja berpasukan, keupayaan berfikir secara kritis, dan ciri keusahawanan.



Gambarajah 1 : Skop Employability Skills

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Transformasi Pendidikan Vokasional melibatkan langkah menaiktaraf Sekolah Vokasional kepada Kolej Vokasional yang menawarkan Diploma Vokasional Malaysia bermula dengan 15 buah Kolej Vokasional Rintis pada Tahun 2012.
- 2.2 Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) merangkumi bidang akademik, vokasional dan *soft skills* digubal untuk dilaksanakan di kolej vokasional.
- 2.3 KSKV Kemahiran Keboleherjaan merangkumi modul *Employability Skills* bagi program pra-diploma (semester 2 hingga semester 4) dan modul-modul Insaniah bagi program diploma (semester 5 hingga semester 8).

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Kurikulum Kemahiran Keboleherjaan bagi Kolej Vokasional dilaksanakan bertujuan :
 - 3.1.1 Memberi pendedahan dan persiapan awal kepada lepasan pelajar sebelum mereka memasuki alam pekerjaan sebenar.
 - 3.1.2 Melahirkan modal insan generasi muda yang berdaya saing serta mampu berdikari untuk memasuki pasaran kerja di dalam dan luar negara.

- 3.1.3 Mewujudkan tenaga mahir yang serba boleh dan mempunyai pengetahuan teras selain kemahiran dalam bidang yang dikuti.

4.0 KAEDAH PELAKSANAAN

Pelaksanaan KSKV Kemahiran Keboleherjaan terbahagi kepada dua kaedah:

4.1 Modul *Employability Skills*

- dilaksanakan di peringkat program pra diploma (Semester 2 – Semester 4) dalam semester pendek.
- Perkara asas yang perlu dititikberatkan dalam modul *Employability Skills* adalah seperti berikut :
 - i. Keselamatan tempat kerja
 - ii. Struktur organisasi
 - iii. Bagaimana bekerja dalam sistem
 - iv. Perhubungan komunikasi
 - v. Etika kerja
 - vi. Pengendalian maklumat asas
 - vii. Penyelesaian masalah
 - viii. Penggunaan aplikasi teknologi maklumat (IT) pada peringkat asas
- Penyampaian kurikulum *Employability Skills* di semester pendek adalah tertakluk kepada budi bicara dan keperluan pihak Kolej Vokasional samada modul dilaksanakan serentak atau secara urutan berdasarkan kepada kesesuaian merangkumi pelbagai cara untuk membolehkan pelajar mencapai hasil pembelajaran dan jam kredit dalam setiap semester yang ditetapkan. Pengajaran, sokongan pembelajaran, penasihat dan bimbingan, *coaching*, *mentoring* dan pembelajaran kolaboratif, maklum balas dan pentaksiran, perancangan pembangunan personal dan *tutoran*, pembangunan kemahiran dan latihan, adalah antara pelbagai proses yang terlibat.
- Jam pertemuan untuk pelaksanaan modul Insaniah di peringkat Diploma adalah seperti dijadual lampiran. (Rujuk contoh Struktur Program).

- Pentaksiran atau penilaian modul *Employability Skills* boleh berbentuk formatif atau sumatif. Walaupun kebanyakan tugas pentaksiran melibatkan elemen formatif dan sumatif seperti tugas yang disemak dan dipulangkan semula kepada pelajar dengan ulasan.
- Kaedah penilaian untuk modul *Employability Skills* adalah seperti berikut :
 - i. **Markah KOMPETEN adalah minimum 60%** bagi setiap modul.
 - ii. Pelajar yang gagal dibenarkan membuat ulangnilai.
 - iii. Markah perlu direkodkan ke dalam *Rekod Penilaian Kumulatif* (RPK).
 - iv. Keputusan **KOMPETEN** akan diberi jika pelajar memenuhi penilaian teori (*Kertas Penilaian Pengetahuan*) dengan mendapat markah **minimum 60%** bagi setiap modul.
 - v. Hanya pelajar yang **KOMPETEN** sahaja yang boleh menyambung pelajaran ke peringkat Diploma Vokasional Malaysia
 - vi. *Employability Skills* adalah merupakan subjek yang penting bagi melayakkan pelajar ke Diploma Vokasional Malaysia (DVM).
- Bukti pencapaian penilaian pelajar untuk teori modul *Employability Skills* hendaklah disemak oleh pengajar mengikut modul dan disahkan oleh Ketua Jabatan Pendidikan Umum. Semua bukti hendaklah direkodkan dalam *Rekod Penilaian Kumulatif* (RPK) dan disimpan dalam Portfolio pelajar.

4.2 Modul Insaniah

- Modul Insaniah dilaksanakan di peringkat Diploma iaitu pada Semester 5 hingga Semester 8 mengikut semester yang telah ditetapkan.
- Modul-modul yang terkandung dalam modul insaniah adalah seperti berikut :
 - i. Pendidikan Islam
 - ii. Pendidikan Moral
 - iii. Bahasa Perniagaan/Antarabangsa (Bahasa Cina / Bahasa Arab)
 - iv. Keusahawanan
 - v. Pengurusan Kewangan
 - vi. Tanggungjawab Pekerja Dan Kepenggunaan
 - vii. Pendidikan Kerjaya
 - viii. Profesionalisme Pekerjaan

- ix. Tamadun Islam
- x. Kokurikulum

- Pentaksiran atau penilaian Modul Insaniah adalah 100% dilaksanakan oleh Kolej. Pentaksiran terdiri daripada pentaksiran berterusan dan pentaksiran akhir dengan nisbah 50:50.

4.3 Takrifan jam kredit mengikut definisi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ialah ukuran kuantitatif yang melambangkan jumlah kandungan pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.

4.4 **Satu kredit (1 jam)** adalah jumlah jam pembelajaran pelajar (*Student LearningTime, SLT*) yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran yang dikenal pasti untuk sesuatu modul bagi sesuatu program bersamaan dengan **40 jam nosional SLT**. Jam nosional mengambilkira pembelajaran secara bersemuka (*Face-to-Face (F2F)*) dan tidak bersemuka (*Non face-to-Face (NF2F)*). Bersemuka bermaksud pembelajaran di dalam bilik kuliah/makmal/bengkel/lapangan bersama guru/pensyarah dan tidak bersemuka bermaksud pembelajaran dilaksana tanpa guru/pensyarah.

5.0 JALUR MASA PELAKSANAAN

5.1 Pelaksanaan Modul *Employability Skills* adalah pada semester pendek bagi semester 2, 3 dan 4 mengikut semester yang telah ditetapkan.

- Jam pertemuan untuk pelaksanaan modul *Employability Skills* adalah seperti berikut :

	Semester Pendek	Semester 2	Semester 3	Semester 4
Jam Pertemuan Kursus	Jam Kredit	6	4	6
	Minggu	4	3	4
	Bilangan Hari	20	15	20
	<i>Face To Face</i>	160 jam	120 jam	160 jam
	<i>Non Face To Face</i>	80 jam	40 jam	80 jam

9.0 TEMPOH EMPLOYABILITY SKILLS

Tempoh Projek Pelajar adalah selama 3 atau 4 minggu bergantung kepada takwim pengajian Kolej Vokasional. Kedudukan Projek Pelajar di dalam kerangka program Diploma Vokasional Malaysia adalah ditunjukkan di dalam Gambarajah 2.

SISTEM SEMESTER KOLEJ VOKASIONAL		
TAHUN	SISTEM 4 TAHUN	
	TAHAP	SEMESTER
	OJT	LATIHAN AMALI DI INDUSTRI (OJT) 12 MINGGU
TAHUN 4	TAHAP 4 (DVM)	Semester 8
		SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar 3-4 MINGGU)
		Semester 7
TAHUN 3	TAHAP 3 (DVM)	SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar 3-4 MINGGU)
		Semester 6
		SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar 3-4 MINGGU)
		Semester 5
TAHUN 2	TAHAP 2 (SVM)	SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 2 (3-4 MINGGU)
		Semester 4
		SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 2 (3-4 MINGGU)
		Semester 3
TAHUN 1	TAHAP 1 (SVM)	Semester 2
		SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 1 (3-4 MINGGU)
		Semester 1

Gambarajah 2 - Sistem Semester Kolej Vokasional

6.0 KESIMPULAN

Kurikulum Kemahiran Keboleherjaan adalah penting dilaksanakan bagi menyokong hasrat Transformasi Pendidikan Vokasional dalam menghasilkan modal insan berkemahiran tinggi dan seimbang serta menyeluruh dari aspek jasmani, rohani, sahsiah dan emosi.

Sebarang pertanyaan berkenaan pelaksanaan Employability Skills di Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia boleh dikemukakan terus kepada :

**Timbalan Pengarah
Pengurusan Akademik
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
No. Tel. : 03-88845160
No. Faks : 03-88845195
E-mail : drarbatved64@gmail.com**